

Pengalaman Semasa Mengikuti Pengajian di Institusi TVET: Hubungannya Terhadap Kebolehpasaran Graduan Bekerja di Kolej Komuniti Sandakan

Mohd Zairulniza Jaludin
Kolej Komuniti Sandakan
zairulniza@kksk.edu.my

Zakina Izienty Zainal
Kolej Komuniti Sandakan
zakina@kksk.edu.my

Samsur Nongkang
Kolej Komuniti Sandakan
samsur@kksk.edu.my

Abstract

TVET educational institutions play an important role at this time to produce skilled and semi-skilled workers to fill vacancies in the industry. For 2019, the marketability rate of TVET graduates is 89.8 percent compared to 86.2 percent for 2018. The increment in marketability among TVET graduates directly helps to improve the national economy. To increase marketability, TVET institutions should provide good educational services to shape the experience of students. Institutional study experience is one of the factors that can affect the marketability of graduates. The four elements that shape experience and relate to marketability are curriculum, career guidance services, teaching staff and infrastructure facilities. Thus, this study aims to identify the relationship of these four elements to marketability for Sandakan Community College graduates who have worked. The questionnaire used in this study is a questionnaire developed by the Ministry of Education Malaysia. The results using Pearson correlation analysis from this study showed that all these elements have a weak relationship and there are only a few items that have a significant relationship.

Keywords: TVET institution, graduate marketability, study experience

Abstrak

Institusi pendidikan TVET memainkan peranan yang penting pada ketika ini untuk melahirkan pekerja mahir dan separa mahir bagi mengisi kekosongan di industri. Bagi tahun 2019, kadar peraturan kebolehpasaran graduan TVET adalah 89.8 peratus berbanding dengan 86.2 peratus bagi tahun 2018. Peningkatan kebolehpasaran di kalangan graduan TVET ini secara langsung membantu meningkatkan ekonomi negara. Bagi peningkatan kebolehpasaran, institusi TVET haruslah menyediakan perkhidmatan pendidikan yang baik bagi membentuk pengalaman kepada pelajar. Pengalaman pengajian di institusi merupakan antara salah satu faktor yang mampu mempengaruhi kebolehpasaran graduan. Empat elemen yang membentuk pengalaman dan berhubungkait dengan kebolehpasaran ialah kurikulum, perkhidmatan bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan keempat-empat elemen tersebut terhadap kebolehpasaran bagi graduan Kolej Komuniti Sandakan yang telah bekerja. Soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini merupakan soal selidik yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hasil dapatan dengan menggunakan analisa korelasi pearson daripada kajian ini menunjukkan kesemua elemen tersebut mempunyai hubungan yang dan hanya terdapat beberapa item sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan.

Kata Kunci: Institusi TVET, kebolehpasaran graduan, pengalaman pengajian

1.0 Pengenalan

Pengalaman merupakan sesuatu yang amat berharga kepada seseorang manusia. Tanpa pengalaman, mungkin sesuatu perubahan tidak akan berlaku. Melalui pengalaman jugalah negara kita Malaysia membangun dengan pesatnya. Pengalaman didefinisikan sebagai apa-apa yang pernah dialami (Aziah & Fazli, 2016). Bagi seorang pelajar, sudah pasti pengalaman pengajian di institusi memberikan kesan kepada mereka. Oleh yang demikian, adalah menjadi peranan institusi pengajian di dalam menyediakan perkhidmatan yang baik sebagai usaha untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi apabila mereka menamatkan pengajian hasil daripada pengalaman mereka ketika berada di institusi pengajian. Institusi pengajian TVET juga adalah tidak terkecuali, malah perkhidmatan yang disediakan haruslah memastikan pelajar dapat memenuhi kehendak industri. Ini sangat penting kerana bidang TVET merupakan antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Menurut Irwan dan Suhaila (2019), Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Menurut kenyataan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, lulusan TVET yang membabitkan usaha sama antara institusi TVET awam dengan pelbagai syarikat multinasional berpandukan kepada kehendak dan keperluan industri terbukti berjaya yang mana hampir 90 peratus graduan TVET berjaya mendapatkan pekerjaan selepas tamat latihan (Irwan & Suhaila, 2019). Dengan kadar kebolehpasaran graduan TVET yang berada pada tahap yang tinggi, boleh dikatakan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh institusi TVET selari dengan pihak industri dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa hasil daripada perkhidmatan yang diberikan membolehkan pelajar berjaya menempatkan diri untuk bekerja di industri. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada graduan yang bekerja berkaitan dengan pengalaman mereka semasa mengikuti pengajian di institusi.

2.0 Penyataan masalah

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan satu cabang di dalam pendidikan yang membolehkan pelajar mempelajari sesuatu kemahiran yang diperlukan di industri. Tujuan TVET diperkenalkan adalah bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global (KPM, 2019). Sejarah awal pendidikan TVET di Malaysia telah pun bermula semenjak dahulu lagi iaitu ketika Malaysia dikenali dengan

nama Tanah Melayu. Apabila British menjajah Tanah Melayu, pada ketika itulah Pendidikan Teknik dan Vokasional telah diberikan perhatian yang lebih.

Dari tahun ke tahun, sekolah teknik, institut latihan, politeknik dan universiti telah dibuka bagi merencanakan pendidikan TVET. Ini termasuk pembukaan Kolej Komuniti Sandakan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah memulakan operasinya pada bulan September 2012. Dua program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Sandakan pada ketika itu ialah ialah Sijil Pemasangan Elektrik (SPE) dan Sijil Pelancongan Dan Pengembaraan (SPL). Sehingga kini, Kolej Komuniti Sandakan masih menawarkan dua program tersebut tetapi bagi Sijil Pemasangan Elektrik (SPE), ia telah diubah kepada Sijil Teknologi Elektrik (SKE). Sebagai salah sebuah institusi TVET, Kolej Komuniti Sandakan dan juga institusi seperti politeknik, kolej vokasional, institut latihan kemahiran awam di bawah Kementerian Sumber dan Manusia, institut latihan kemahiran di bawah kementerian Belia dan Sukan dan juga institut latihan kemahiran awam di bawah kementerian pertanian dan industri asas tani, telah membawa kepada peningkatan kebolehpasaran graduan. Jadual 1 menunjukkan statistik kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2018 dan 2019.

Jadual 1: Statistik kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2018 dan 2019

KATEGORI IPT	BEKERJA (%)		MELANJUT PENGAJIAN (%)		MENINGKATKAN KEMAHIRAN (%)		MENUNGGU PENEMPATAN PEKERJAAN (%)		BELUM BEKERJA (%)	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019
POLITEKNIK	83.9	81.2	10.9	14.0	0.2	0.3	1.1	1.2	3.9	3.3
KOLEJ KOMUNITI	78.4	74.4	17.4	22.7	0.1	0.1	0.8	0.6	3.4	2.2
KOLEJ VOKASIONAL	63.5	76.8	7.9	6.3	0.9	1.1	5.3	13.2	22.4	2.6
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	54.6	60.2	22.9	22.9	1.1	1.1	2.0	1.8	19.4	14.0
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	68.5	67.4	14.4	16.6	0.2	0.5	1.4	1.8	15.4	13.7
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	70.0	68.2	16.1	19.0	0.6	0.7	1.2	1.4	12.1	10.8
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	44.9	46.0	18	17.6	0.5	0.2	3.8	3.6	32.9	32.6
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA	-	57.1	-	7.8	-	0.0	-	0.0	-	35.1
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, KEMENTERIAN KERJA RAYA	-	71.4	-	28.6	-	0.0	-	0.0	-	0.0
JUMLAH	72.0	73.3	13.7	15.9	0.5	0.6	2.1	3.5	11.7	6.6

Sumber: Statistik Pengajian Tinggi 2018 & 2019

Dengan mengambil kira graduan bekerja, melanjutkan pengajian dan meningkatkan kemahiran, peratusan keseluruhan kebolehpasaran graduan TVET meningkat sebanyak 3.6 peratus dimana bagi tahun 2018 nilai peratusannya ialah 86.2 peratus dan bagi tahun 2019 nilai peratusannya ialah 89.8 peratus. Manakala bagi Kolej Komuniti mengikut data tersebut, peratusan kebolehpasaran graduan meningkat sebanyak 1.3 peratus bagi tahun 2019. Pada tahun 2019 bagi Kolej Komuniti Sandakan, kadar kebolehpasaran graduan adalah sejumlah 97.3 peratus berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET, 2019. Data ini merangkumi peratusan graduan bekerja dan graduan yang melanjutkan pengajian bagi tahun 2019. Daripada laporan tersebut, peratusan graduan yang bekerja ialah 69.9 peratus. Ini menunjukkan bahawa kemahiran kebolehpasaran adalah baik, dimana lebih daripada separuh graduan di Kolej Komuniti Sandakan terus bekerja setelah menamatkan pengajian. Namun begitu, apakah yang menyumbang kepada peningkatan data kebolehpasaran graduan tersebut kerana terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kebolehpasaran graduan.

Sudah semestinya faktor personaliti graduan tersebut merupakan faktor utama yang membantu graduan menempatkan diri di industri. Walaupun personaliti merupakan faktor utama, namun ianya terbentuk hasil dari apa yang dipelajari di institusi pengajian. Menurut Noorah dan Zakiah (2017), kemahiran kebolehpasaran adalah ciri-ciri kemahiran dan pengetahuan yang perlu ada pada pelajar dalam mempersiapkan diri mereka bagi memenuhi keperluan dalam pelbagai pekerjaan dalam pasaran buruh selepas tamat pengajian. Bagi graduan TVET, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memenuhi kehendak industri tidak boleh diperolehi tanpa mengikuti pengajian di institusi TVET. Ini kerana perkhidmatan yang disediakan oleh institusi TVET akan memberikan satu bentuk pengalaman dimana ia merangkumi segala elemen-elemen sepertimana yang pihak industri mahukan. Namun begitu, ia merupakan sesuatu yang subjektif untuk mengatakan samada pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi benar-benar mempengaruhi kebolehpasaran graduan bagi sesebuah institusi TVET tanpa pembuktian dilaksanakan. Ini kerana secara amnya, biarpun banyak institusi TVET diwujudkan namun hakikatnya setiap perkhidmatan yang disediakan adalah tidak sama di antara institusi. Oleh yang demikian, adalah perlu satu kajian dilaksanakan untuk melihat sejauhmana pengalaman semasa mengikuti pengajian membantu graduan Kolej Komuniti Sandakan untuk bekerja.

3.0 Persoalan kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat sejauhmana pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi mempengaruhi kebolehpasaran graduan yang telah bekerja. Terdapat 6 persoalan kajian yang dikaji di dalam kajian ini, iaitu:

- a. Berapakah kadar peratusan kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Sandakan yang bekerja?
- b. Adakah graduan bekerja mengikut bidang yang diceburi semasa

- pengajian di Kolej Komuniti Sandakan?
- c. Adakah kandungan program pengajian secara keseluruhan (kurikulum) membantu graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan?
 - d. Adakah perkhidmatan bimbingan kerjaya membantu graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan?
 - e. Adakah peranan tenaga pengajar membantu graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan?
 - f. Adakah kemudahan prasarana membantu graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan?

4.0 Kajian literatur

Isi kebolehpasaran merupakan satu isu penting dalam pembangunan sumber manusia yang perlu diberikan perhatian kerana ianya membawa kesan dan implikasi yang berbeza kepada setiap individu (Nooriah & Zakiah, 2017). Oleh yang demikian, saban tahun Kerajaan Malaysia melalui pembentangan belanjawan negara, telah memberikan peruntukan kewangan yang besar terutama sekali di dalam bidang pendidikan bagi memastikan kadar kebolehpasaran meningkat dan dapat memenuhi kekosongan jawatan yang wujud. Ini kerana institusi pendidikan adalah merupakan badan yang bertanggungjawab secara langsung menyediakan perkhidmatan bagi melahirkan sumber manusia yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Keberhasilan di atas usaha yang diambil oleh kerajaan, menampakkan kesan yang positif dimana terdapat peningkatan kadar peratusan kebolehpasaran graduan setiap tahun terutamanya bagi graduan daripada institusi TVET.

TVET mempunyai peranan penting dalam membantu usaha menjadi negara maju yang setaraf dengan negara maju yang lain dan tidak keterlaluhan jika TVET dianggap sebagai kunci kepada kemajuan negara pada masa akan datang (Irwan & Suhaila, 2019). Dengan peranan yang penting ini, pihak institusi TVET seharusnya berusaha untuk memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan iaitu pelajar. Menurut Adekiya et al. (2019) yang memetik pernyataan Nkimura dan Olarenwaju (2014) dan Anim (2015), menyatakan bahawa kualiti perkhidmatan merupakan petunjuk prestasi utama bagi institusi pengajian tinggi dan strategi utama meningkatkan pemasaran dan juga membina persepsi positif dalam minda pelanggan. Melalui perkhidmatan pendidikan berkualiti yang disediakan, institusi TVET dapat menyediakan pelajar bagi memenuhi kekosongan pekerjaan mengikut bidang yang diceburi ketika mengikuti pengajian di institusi TVET.

Menurut Hasbullah Awang et al. (2017) yang memetik kerangka konseptual Harvey (2013), perkhidmatan pendidikan meliputi aspek pembelajaran dan pengajaran (terdiri dari elemen seperti penilaian kursus, pengendalian kursus, kualiti pensyarah, hasil pembelajaran), kemudahan pembelajaran; perpustakaan, makmal komputer, kemudahan sokongan antaranya tempat pengajian dan kemudahan kesihatan, persekitaran pembelajaran seperti dewan kuliah, bilik kuliah, makmal serta aspek luaran seperti tempat rekreasi dan bantuan kewangan. Dengan menyediakan


segala perkhidmatan tersebut, ia dapat membantu membentuk pengalaman kepada pelajar ketika mengikuti pengajian dan secara tidak langsung membantu meningkatkan kemahiran kebolehpasaran mereka. Ini kerana menurut Nurul Maziah (2013), dimana kesediaan pelajar dalam memenuhi kemahiran bagi menuntut keperluan industri mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor dan diantaranya ialah faktor kurikulum, kemudahan (infrastruktur), pengajaran dan pembelajaran ketika menjalani pengajian.

Selain itu menurut Mei dan Teong (2002), berdasarkan satu kajian yang dijalankan dibawah projek *Quality in Higher Education* pada tahun 1991 mendapati bahawa pengalaman pelajar merupakan elemen utama yang perlu diberi pertimbangan dalam menilai kualiti pendidikan tinggi. Menurutnya lagi, pengalaman pelajar tidak hanya terhad kepada pengalaman mereka dalam satu-satu kelas kuliah, malah meliputi pengalaman sepanjang proses pengajian mereka di institusi pengajian tinggi tersebut. Daripada beberapa pernyataan tersebut, ia menunjukkan kesalinghubungan diantara pengalaman pengajian di institusi dan kebolehpasaran.

Perkara yang harus dititik beratkan bagi membentuk pengalaman yang dapat memberikan implikasi yang positif terhadap kebolehpasaran ialah kurikulum, bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Menurut Seri dan Ramlee (2010), kurikulum mestilah lebih menyeluruh dan mengikut perkembangan teknologi semasa supaya tenaga kerja yang dididik berkebolehan dan berkemahiran untuk untuk bersaing diarena pekerjaan. Ke arah itu, semua pensyarah harus berganding bahu dalam memainkan peranan memupuk minat dan semangat pelajar. Ini kerana, gaya pengajaran guru di dalam kelas merupakan komponen atau elemen yang memastikan wujudnya rasa ingin belajar dalam kalangan pelajar (Ainonmadiyah, Awanis, Norhana, Juliana & Siti Noor, 2016). Dalam pernyataan tersebut, guru dalam konteks kajian ini bolehlah dirujuk sebagai tenaga pengajar. Bagi bimbingan kerjaya, program perkembangan kerjaya yang berstruktur berbantuan modul latihan adalah penting kepada pelajar sebagai pendidikan tidak formal bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran tinggi yang diperlukan dalam pasaran kerja abad ke-21 ini (Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad, 2016). Menurut Mohd Izwan (2016) juga, di universiti, perkembangan kerjaya pelajar dipertanggungjawabkan kepada pusat kerjaya atau kaunseling yang berperanan memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan salah satunya adalah kaunseling dan bimbingan kerjaya. Akhir sekali, persekitaran pembelajaran yang baik iaitu kemudahan infrastruktur adalah diperlukan bagi melengkapkan pengalaman semasa mengikuti pengajian. Dalam konteks pendidikan TVET, sudah semestinya kemudahan prasarana yang disediakan haruslah selari dengan apa yang ada di industri. Nurazuan Razali (2013) di dalam penulisan kajiannya menyatakan persekitaran yang kondusif dikatakan dapat melahirkan suasana yang seronok untuk belajar serta meningkatkan prestasi pelajar seperti penggunaan bilik darjah untuk aktiviti yang sesuai dan penyediaan bilik-bilik khas.

Hasil daripada kajian literatur bagi kajian ini, dapat dirumuskan

bahawa terdapat beberapa faktor yang membentuk pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi dan boleh mempengaruhi kadar kebolehpasaran. Faktor tersebut adalah sepertimana yang ditunjukkan di dalam kerangka konseptual hubungan pengalaman graduan semasa mengikuti pengajian di institusi terhadap kebolehpasaran (Rajah 1).



Rajah 1: Kerangka konseptual hubungan pengalaman graduan semasa mengikuti pengajian di institusi terhadap kebolehpasaran

Pengalaman semasa mengikuti pengajian adalah bergantung kepada persepsi pelajar terhadap perkhidmatan pendidikan yang merangkumi kurikulum, bimbingan kerjaya, pensyarah dan kemudahan prasarana yang disediakan oleh pihak institusi. Dalam kajian ini, pengalaman semasa mengikuti pengajian adalah merujuk kepada persepsi graduan terhadap perkhidmatan pendidikan di Kolej Komuniti Sandakan.

5.0 Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan berbentuk kuantitatif dimana ia telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Sandakan ke atas graduan yang bergraduasi pada tahun 2019. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat implikasi pengalaman semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan terhadap kebolehpasaran graduan yang bekerja. Oleh yang demikian, pengambilan data adalah terfokus kepada graduan yang bekerja di dalam kajian ini.

Kajian ini telah dijalankan di Kolej Komuniti Sandakan. Sampel bagi kajian ini adalah merupakan pelajar Program Sijil Pemasangan Elektrik (SPE) dan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (SPL) yang mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan dan bergraduasi pada tahun 2019. Daripada sampel tersebut, seramai 77 orang graduan yang bergraduasi pada tahun 2019 telah menjadi responden bagi menjawab kesemua persoalan kajian yang dibangunkan di dalam kajian ini.

Bagi tujuan mendapatkan data implikasi pengalaman terhadap kebolehpasaran di dalam kajian ini, satu soal selidik telah dijadikan sebagai instrument kajian. Borang soal selidik yang digunakan adalah merupakan borang yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khusus bagi graduan yang tamat menjalani pengajian di Institusi Pengajian Awam. Soal selidik ini telah diedarkan kepada semua graduan bagi tahun 2019 secara dalam talian dan telah mewajibkan mereka untuk mengisinya sebelum bergraduasi. Terdapat 7 bahagian di dalam borang soal selidik tersebut, namun bagi tujuan analisi data hanya 3 bahagian sahaja yang akan dilihat iaitu :

- a. Bahagian B : Status terkini
- b. Bahagian C : Graduan Bekerja
- c. Bahagian F : Pengalaman Semasa Mengikuti Pengajian di Institusi

6.0 Analisis data

Bagi tujuan analisis data, 2 jenis ujian iaitu analisa kekerapan deskriptif dan analisa Korelasi Pearson telah digunakan bagi tujuan menjawab persoalan kajian. Analisa data adalah dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics Versi 23. Hasil dapatan adalah merujuk kepada 77 orang graduan yang menjadi responden di dalam kajian ini. Berdasarkan data status terkini menggunakan analisa kekerapan deskriptif, seramai 73 daripada 77 orang respon telah menjawab soal selidik tersebut. Merujuk kepada jadual 2, seramai 33 orang responden merupakan graduan Sijil Pemasangan Elektrik (SPE), manakala 40 orang responden merupakan graduan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (SPL).

Jadual 2: Respondan mengikut program

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid SPE	33	45.2	45.2	45.2
SPL	40	54.8	54.8	100.0
Total	73	100.0	100.0	

Hasil dapatan daripada jadual 3 juga menunjukkan, daripada 73 responden yang menjawab soal selidik, hanya 51 orang responden yang bekerja. Selebihnya 20 orang responden telah melanjutkan pengajian di institusi pengajian lain dan 2 orang responden masih belum bekerja.

Jadual 3: Status responden

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Bekerja	51	69.9	69.9	69.9
Melanjutkan Pengajian	20	27.4	27.4	97.3
Belum Bekerja	2	2.7	2.7	100.0
Total	73	100.0	100.0	

Jadual 4 pula, menunjukkan hasil dapatan analisa kekerapan deskriptif bagi responden yang bekerja di dalam bidang yang sama ketika mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan. Hanya 14 orang

respondan daripada 51 orang sahaja yang bekerja di dalam bidang yang sama dengan program yang diikuti di Kolej Komuniti Sandakan.

Jadual 4: Respondan bekerja dalam bidang

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Ya	14	19.2	27.5	27.5
	Tidak	37	50.7	72.5	100.0
	Total	51	69.9	100.0	
Missing	System	22	30.1		
Total		73	100.0		

Terdapat 4 pembolehubah yang digunakan untuk melihat pengalaman graduan semasa mengikuti pengajian di institusi iaitu kurikulum, perkhidmatan bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Ujian Korelasi Pearson digunakan bagi tujuan analisa bagi mengenalpasti Implikasi keempat-empat pembolehubah tersebut yang membentuk pengalaman graduan terhadap kebolehpasaran graduan yang bekerja.

Rumusan analisa korelasi bagi graduan bekerja dan kurikulum adalah seperti di dalam Jadual 5. Hasil analisa menunjukkan bahawa daripada 5 item soalan bagi pembolehubah kurikulum, hanya 2 item yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $p < 0.05$ ($r = -0.333$ dan $r = -0.314$) dengan korelasi yang negatif iaitu mata pelajaran wajib institusi dan menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan.

Jadual 5: Analisa korelasi bagi graduan bekerja dan kurikulum

		a. Kesesuaian kandungan pengajian	b. Program industri /praktikum (jika berkaitan)	c. Mata pelajaran wajib institusi	d. Menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan	e. Latihan industri telah memberi manfaat kepada saya dalam mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian
Graduan bekerja	Pearson Correlation	-.250	-.253	-.333*	-.314*	-.257
	Sig. (2-tailed)	.076	.073	.017	.025	.069
	N	51	51	51	51	51

Jadual 6 pula menunjukkan hasil analisa korelasi bagi graduan bekerja dan perkhidmatan bimbingan kerjaya. Hanya terdapat 2 item soalan sahaja bagi pembolehubah ini iaitu maklumat mengenai peluang pekerjaan dan kerjaya dan bantuan dalam mendapatkan pekerjaan. Hanya 1 item sahaja yang mempunyai hubungan signifikan yang negatif dengan nilai $r = -0.292$ dan $p < 0.05$.

Jadual 6: Analisa korelasi bagi graduan bekerja dan perkhidmatan bimbingan kerjaya

		a. Maklumat mengenai peluang pekerjaan dan kerjaya	b. Bantuan dalam mendapatkan pekerjaan
Graduan bekerja	Pearson Correlation	-.247	-.292*
	Sig. (2-tailed)	.080	.038
	N	51	51

Analisa korelasi perkaitan antara graduan bekerja dan tenaga pengajar pula ditunjukkan di dalam Jadual 7, dimana kedua-dua item bagi pembolehubah tersebut tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Dua item tersebut ialah interaksi dengan pelajar dan penyampaian kuliah dan kualiti pengajaran.

Jadual 7: Analisa korelasi bagi graduan bekerja dan tenaga pengajar

		a. Interaksi dengan pelajar	b. Penyampaian kuliah dan kualiti pengajaran
Graduan bekerja	Pearson Correlation	-.134	-.110
	Sig. (2-tailed)	.348	.440
	N	51	51

Perkaitan yang terakhir bagi melihat implikasi kebolehpasaran graduan bekerja ialah perkaitan graduan bekerja dan kemudahan prasarana. Rumusan analisa korelasi adalah seperti di dalam Jadual 8. Lima item soalan bagi kemudahan prasarana ialah kemudahan makmal, kemudahan

dewan kuliah/bilik kuliah, kemudahan kafeteria, kemudahan penginapan dan kemudahan ICT di kampus.

Jadual 8: Analisa korelasi bagi graduan bekerja dan kemudahan prasarana

		a. Makmal/komputer/sains/studio/dapur/bengkel	b. Kemudahan dewan kuliah/bilik tutorial	c. Kemudahan kafeteria/kantin/dewan makan	d. Kemudahan penginapan / asrama	e. Kemudahan ICT di kampus
Graduan Bekerja	Pearson Correlation	-.250	-.185	.026	.026	-.092
	Sig. (2-tailed)	.076	.193	.858	.858	.520
	N	51	51	51	51	51

Hasil dapatan analisa korelasi graduan bekerja dan kemudahan prasarana menunjukkan, kesemuanya tidak mempunyai hubungan yang signifikan di mana kesemua nilai $p > 0.05$.

7.0 Perbincangan

Persoalan kajian yang pertama di dalam kajian ini adalah untuk melihat peratusan graduan Kolej Komuniti Sandakan yang telah memperolehi pekerjaan. Daripada hasil dapatan, kadar peratusan responden yang memberi maklum balas di dalam kajian ini adalah 94.81 peratus. Ini kerana terdapat 4 orang responden yang tidak memberikan maklumbalas. Kadar kebolehpasaran pula adalah tinggi iaitu dengan 97.3 peratus, ia merangkumi peratusan graduan bekerja dan graduan yang melanjutkan pengajian. Peratusan graduan yang bekerja adalah 69.9 peratus dan hasil dapatan ini menjawab persoalan kajian yang pertama. Ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh graduan Kolej Komuniti Sandakan yang bergraduasi pada tahun 2019 memperolehi pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Walaupun kadar peratus graduan bekerja tinggi, namun bilangan graduan yang bekerja mengikut bidang yang diceburi semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan adalah rendah dengan kadar peratusan 19.2 peratus.

Persoalan kajian ketiga sehingga persoalan kajian keenam di dalam kajian ini dibangunkan bagi melihat implikasi pengalaman semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan terhadap kebolehpasaran graduan yang bekerja. Ia juga akan memberikan jawapan kepada mengapa peratus graduan yang bekerja mengikut bidang rendah. Pengalaman graduan di dalam kajian ini diukur melalui 4 aspek iaitu kurikulum, perkhidmatan bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Kesemua aspek tersebut mempunyai kaitan di dalam membentuk pengalaman dan mempunyai hubungan terhadap kebolehpasaran graduan untuk bekerja.

Menurut Ainonmadiyah et al. (2016) yang memetik Alias Baba (1997), bahawa skala anggaran kekuatan bagi dua pembolehubah adalah seperti di dalam Jadual 9. Oleh yang demikian, skala tersebut dirujuk bagi melihat hubungan kebolehpasaran graduan bekerja terhadap keempat-empat aspek tersebut.

Jadual 9: Jadual skala anggaran kekuatan perhubungan antara pembolehubah

	Tahap Hubungan
0.00 – 0.20	Sangat Lemah
0.21 – 0.40	Lemah
0.41 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Kuat
0.91 – 1.00	Sangat Kuat

Merujuk kepada persoalan kajian ketiga, secara keseluruhannya hubungan diantara graduan bekerja dan kurikulum adalah lemah pada arah yang negatif dimana kesemua nilai r bagi kesemua item berada pada skala 0.21 - 0.40, biarpun terdapat 2 item mempunyai hubungan yang signifikan dengan $p < 0.05$ dan nilai r lebih besar iaitu mata pelajaran wajib institusi dan menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa kandungan program pengajian secara keseluruhan di Kolej Komuniti Sandakan tidak banyak membantu kebolehpasaran graduan. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa kekangan yang dihadapi oleh pihak institusi dan juga graduan. Menurut Noorah dan Zakiah (2017), terdapat beberapa faktor yang menjadi kekangan pelajar untuk meningkatkan kemahiran kebolehkerjaan semasa mengikuti pengajian di universiti iaitu faktor masa, faktor kos dan program, faktor informasi dan faktor sikap.

Bagi persoalan kajian yang keempat, fungsi perkhidmatan bimbingan kerjaya di Kolej Komuniti Sandakan juga tidak banyak membantu kebolehpasaran graduan. Ini kerana hubungan bagi kedua-dua item bagi pembolehubah perkhidmatan bimbingan kerjaya adalah lemah dibawah 0.40 pada arah yang negatif walaupun terdapat satu hubungan signifikan dengan $p < 0.05$ iaitu yang melibatkan bantuan dalam mendapatkan pekerjaan. Ini mungkin kerana tiada diwujudkan unit kaunseling dan kerjaya di Kolej Komuniti Sandakan.

Peranan tenaga pengajar terhadap kebolehpasaran graduan pula menunjukkan hubungan yang sangat lemah bagi menjawab persoalan kajian kelima. Data hasil dapatan menunjukkan nilai r bagi kedua-dua item pembolehubah tenaga pengajar adalah kurang dari 0.20 ($0.00 < r < 0.20$) dan tiada mempunyai hubungan yang signifikan. Ini boleh membawa kepada punca yang menyokong mengapa kebolehpasaran graduan di dalam bidang adalah rendah. Begitu juga hasil dapatan bagi persoalan kajian yang terakhir, ia menunjukkan bahawa kemudahan prasarana yang terdapat di Kolej Komuniti Sandakan tidak membantu kebolehpasaran graduan. Kesemua item kecuali makmal mempunyai nilai $r < 0.20$ dan kesemuanya tiada mempunyai hubungan yang signifikan.

8.0 Kesimpulan

Walaupun kadar peratusan kebolehpasaran graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan adalah tinggi berbanding dengan graduan yang menyambung pengajian dan yang tidak bekerja, ini tidak bermakna bahawa pengalaman semasa mengikuti pengajian membantu kebolehpasaran graduan bekerja di Kolej Komuniti Sandakan terutama mengikut bidang yang diambil. Hasil dapatan di dalam kajian ini dengan merujuk kepada keempat-empat faktor perkhidmatan pendidikan tersebut, secara kesimpulannya ia menunjukkan bahawa implikasi pengalaman semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Sandakan terhadap kebolehpasaran graduan bekerja adalah lemah.

Sebagai salah satu daripada institusi TVET, seharusnya pihak pengurusan perlu memastikan 4 perkara iaitu kurikulum, bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan kemudahan selari dengan keperluan industri. Kadar kebolehpasaran graduan boleh meningkat jika sekira institusi pengajian yang selaku penyedia perkhidmatan kepada pelajar, memainkan peranan sepenuhnya dan memandang serius akan kelemahan yang perlu diatasi bagi melahirkan graduan sebagai pekerja mahir. Untuk merialisasikan perkara ini, ia memerlukan penglibatan semua pihak dan akan mengambil masa yang panjang. Ini kerana menurut Chang, Fauziah

dan Faridah (2011), transformasi kurikulum dan pendekatan pengajaran universiti tidak menjana keputusan positif dalam jangka masa yang singkat. Dengan hasil dapatan yang diperolehi, pihak institusi TVET terutamanya Kolej Komuniti Sandakan boleh melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Ini kerana, dengan peningkatan tarap perkhidmatan pendidikan yang diberi kepada pelajar ianya dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar untuk bekerja mengikut bidang yang diceburi.

Oleh yang demikian, cadangan agar satu kajian yang lebih mendalam dilaksanakan bagi mengenalpasti komponen-komponen yang penting di dalam kurikulum, perkhidmatan kaunseling, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana yang menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan mengikut bidang. Ini bagi tujuan penambahbaikan berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan.

9.0 Rujukan

- Adekyaa AA, Bamidele A, Paul KO & Adamu AG. (2019). *Perception of service quality in higher educational institution: a study of selected universities in north-western region of Nigeria*. Retrieved from <http://www.alliedacademies.org/journal-finance-marketing>
- Ainonmadiyah Mohd Nawawi, Awanis Mohd, Norhana Md. Saad, Juliana Baharuddin & Siti Noor Ismail. (2016). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di daerah Bachok, Kelantan. *Proceeding of ICECRS*, 1, 341-358.
- Aziah Tajudin & Mohd. Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua*. Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hasbullah Awang, Irma Wani Othman, Norazak Mohd Suki, Muhammad Safuan Yusoff, Herlina Jupiter & Rudie Adie Razak. (2017). Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal Of Muamalat and Society*. 11, 77-85
- Irwan Shafizan Ismail & Suhaila Shahrul Anuar. (2019). *TVET pemacu utama lahir tenaga mahir tempatan – PM*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my>.
- Kee, C, P, Fauziah Ahmad & Faridah Ibrahim. (2011). Hubungkait antara kemahiran insaniah prasiswazah dengan dimensi hubungan organisasi-publik. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 23-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Maklumat Umum TVET*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>.
- Kolej Komuniti Sandakan. (2019). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2019*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mei, T, S, & Teong, L, K., (2002). *Hubungan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar: Satu tinjauan*. *Utara Management Review*, Jun, 3(1): 67 – 85.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad. (2016). Modul kesediaan kerjaya berdasarkan teori cognitive information processing (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 59-75.
- Nooriah Yusof & Zakiah Jamaluddin. (2017). Pembangunan kebolehpasaran Siswazah. Tindakan universiti dan cabaran yang dihadapi. *Jurnal Personalita Pelajar*, 20, 15-32.
- Nurazuan Razali. (2013). Tahap prasarana Pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah menengah Daerah Kota Tinggi. Tesis Dr. Fal, Pendidikan, Universiti Teknologi Mara.
- Nurul Maziah Mohd Barkhaya. 2013. Kesediaan pelajar memiliki kemahiran teknikal tambahan. Satu kajian di UTHM. Tesis Dr. Fal, Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Seri Bunian Mokhtar & Ramlee Mutapha. (2010). Pengaruh faktor persekitaran pembelajaran terhadap tahap kemahiran generik dari perspektif pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah*, 43-55.
- Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPT. (2018). *Statistik Pendidikan Tinggi 2018: Kementerian Pengajian Tinggi*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPT. (2019). *Statistik Pendidikan Tinggi 2019: Kementerian Pengajian Tinggi*. Kementerian Pengajian Tinggi.